

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 09 JUN 2015

SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) bilangan doktor pakar, doktor (HO dan MO) dan jururawat di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak di Kota Samarahan; dan

- (b) bilangan aduan yang diterima tentang Pusat Jantung tersebut sejak ia ditubuhkan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menambahbaik perkhidmatan yang sedia ada.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015, terdapat sebanyak 64 jawatan Pegawai Perubatan di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak dengan pengisian seramai 42 orang atau 65.6 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 13 orang adalah Pegawai Perubatan Pakar dan 29 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar.

Manakala bagi Jururawat di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak pula, sehingga 31 Mac 2015 bilangan jawatan adalah sebanyak 394 jawatan dengan pengisian seramai 286 orang atau 72.6 peratus.

- (b) Bil. aduan yang diterima tentang perkhidmatan Pusat Jantung sejak ditubuhkan pada tahun 2013 adalah sebanyak seperti berikut:-

Tahun 2013 - (2 aduan)

Tahun 2014 - (3 aduan)

Jan-Mei 2015 - (1 aduan)

Aduan tersebut melibatkan *softskill* anggota kesihatan seperti Pegawai Perubatan dan Jururawat dengan pesakit dan juga waris pesakit.

Langkah-langkah penambahbaikan yang diambil :-

- Mensasarkan tempoh menunggu pembedahan 3-4 bulan menjelang hujung tahun ini berbanding 6-9 bulan sekarang;
- Memberi teguran dan nasihat kepada petugas kesihatan yang dikaitkan dengan aduan yang dibangkitkan; dan
- Kursus komunikasi kepada petugas dalam memberikan penerangan kepada pesakit agar mudah difahami.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 31

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam memantapkan peranan JPJ agar dapat memberi khidmat yang lebih berkesan kepada masyarakat di pedalaman Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di pedalaman Sabah, beberapa inisiatif telah dijalankan oleh Kerajaan. Antaranya Program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) yang dilaksanakan bertujuan membantu orang ramai mendapatkan Lesen Memandu Percubaan Motosikal (Kelas B2).

Pada tahun 2014, sebanyak empat program telah dilaksanakan oleh JPJ di beberapa kawasan sekitar Sabah iaitu di kawasan Tenom, Kudat, Tawau dan Telupid. Jumlah calon yang berjaya dilesenkan di Negeri Sabah dalam program ini pada tahun 2014 adalah sebanyak 1,195 orang. Manakala, semenjak program ini dilaksanakan pada tahun 2009 sehingga kini telah memberi manfaat kepada 7,228 masyarakat di Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menampung transaksi urusniaga melibatkan perkhidmatan JPJ di Sabah, buat masa ini, Kerajaan telah menempatkan 16 buah pejabat cawangan JPJ di bandar-bandar utama selain 6 buah pejabat kecil termasuk di kawasan Tenom. Dalam pada itu, Kerajaan telah memperuntukkan 2 unit perkhidmatan Kaunter bergerak 1JPJ bagi negeri Sabah daripada 15 buah kaunter bergerak di seluruh Malaysia. Perkhidmatan ini merupakan salah satu inisiatif dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaaan (NBOS) untuk dijadikan sebagai agen *engagement* antara

Kerajaan dengan rakyat di peringkat akar umbi sebagai *touch point* kepada komuniti khususnya di kawasan luar bandar.

Kerajaan melalui JPJ juga amat menggalakkan penubuhan institut memandu di negeri Sabah dan Sarawak khususnya di kawasan-kawasan pedalaman dalam memberikan perkhidmatan berkaitan pelesenan pemanduan bagi orang ramai. Sehingga kini, sebanyak 22 buah institute memandu telah diluluskan oleh JPJ untuk beroperasi di Sabah dan jumlah ini akan bertambah dari semasa ke semasa bergantung kepada permohonan.